

Headline	FRIM sedia bantu atasi masalah pokok tumbang di Kuala Lumpur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	30	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,900



FRIM sedia bantu atasi masalah pokok tumbang di Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bersedia memberi khidmat nasihat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengenal pasti lokasi berisiko berlaku kejadian pokok tumbang di sekitar ibu kota dalam kenyataannya di sini hari ini.

FRIM memaklumkan, khidmat tersebut meliputi penjagaan, penyelenggaraan dan pemantauan dalam usaha mengurangkan kejadian pokok tumbang atau patah apabila berlakunya hujan lebat serta angin kencang.

“Selepas beberapa kejadian

pokok tumbang baru-baru ini, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod telah menyeru ahli-ahli botani FRIM supaya menyumbang pendapat untuk membantu pihak DBKL,” menurut kenyataan itu.

Dalam perkembangan sama, ahli arboris FRIM, Adnan Mohammad berkata, FRIM boleh membantu DBKL mengenal pasti lokasi ‘hot spot’ yang terdapat pokok tua, besar dan merbahaya di ibu negara melalui sistem inventori pokok yang dibangunkan oleh FRIM serta DBKL.

Jelasnya, pemantauan secara kerap perlu dilaksanakan di tempat-tempat berkenaan terutamanya

pada Januari hingga Mac, November dan Disember atau bulan-bulan yang telah merekodkan banyak insiden pokok tumbang.

“Kejadian pokok tumbang dan patah di ibu kota baru-baru ini adalah berkait rapat dengan cuaca. Pada musim hujan lebat atau angin kencang, halaju angin bukan sahaja merosakkan pokok tetapi menyebabkan struktur lain seperti papan iklan besar tumbang.

“Jika ribut dan hujan lebat berlaku, pokok-pokok di mana sahaja akan berada dalam keadaan berisiko terutama di bandar kerana terdapat laluan angin,” katanya.

Menurut Adnan, kejadian sedemikian mungkin disebabkan oleh faktor halaju angin, kelemahan atau kerosakan struktur pokok, keadaan persekitaran, ruang dan tanah selain daripada kaedah pemangkasan pokok yang salah.



FRIM sedia menyumbang kepakaran dalam memantau dan mengenal pasti lokasi yang berkemungkinan berlaku kejadian pokok tumbang di ibu negara.
- GAMBAR HIASAN



KEJADIAN pokok tumbang di ibu negara bukan sahaja menyebabkan kerosakan harta benda, malah boleh meragut nyawa.
-GAMBAR HIASAN